

PROMOSI HONG LEONG PRIORITY BANKING PRIVATE BANKING CHINESE NEW YEAR WEALTH

Terakhir dikemas kini pada 26 Januari 2021

“Promosi Hong Leong Priority Banking Private Banking Chinese New Year Wealth” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) bermula pada 28 Januari 2021 dan berakhir pada 30 Jun 2021, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Promosi**”), melainkan dimaklumkan sebaliknya dengan cara penghantaran di laman web HLB di www.hlb.com.my (“**Laman Web HLB**”).

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat yang ditetapkan berikut terpakai untuk Promosi ("**T&S**"):

1. **Promosi** ini terbuka untuk penyertaan oleh semua pelanggan HLB individu yang merupakan warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia bagi kategori berikut ("**Pelanggan HLB**")
 - (i) Pelanggan Perbankan Private sedia ada dan/atau baru ("**Pelanggan PV**"); dan
 - (ii) Pelanggan Perbankan Prioriti sedia ada dan/atau baru ("**Pelanggan PB**"),
Melainkan dimaklumkan sebaliknya.
2. Pelanggan PV dalam konteks ini merujuk kepada Pelanggan HLB yang telah memenuhi kriteria kelayakan Keahlian Perbankan Private ("**Keahlian PV**"). Keahlian PV merujuk kepada jumlah gabungan Aset Di bawah Pengurusan ("**AUM**") dan/atau Pelaburan (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 4 di bawah) Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000) ("**Baki Minimum PV**") atau jumlah lain yang ditetapkan oleh HLB dari masa ke semasa ("**Kriteria Kelayakan PV**"). Pelanggan PV baru merujuk kepada Pelanggan HLB yang telah menyertai Keahlian PV semasa Tempoh Promosi.
3. Pelanggan PB dalam konteks ini merujuk kepada Pelanggan HLB yang telah memenuhi kriteria kelayakan Keahlian Perbankan Prioriti ("**Keahlian PB**"). Keahlian PB merujuk kepada jumlah gabungan AUM dan/atau Pelaburan (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 4 di bawah) Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) ("**Baki Minimum PB**") atau jumlah lain yang ditetapkan oleh HLB dari masa ke semasa ("**Kriteria Kelayakan PB**"). Pelanggan PB baru merujuk kepada Pelanggan HLB yang telah menyertai Keahlian PB semasa Tempoh Promosi.
4. Bagi tujuan yang terkandung di sini, istilah "**AUM**" yang bererti Aset Di Bawah Pengurusan bermaksud semua jumlah yang tetap menjadi kredit bagi mana-mana Akaun Deposit Tetap ("**FD**"), Akaun Semasa dan Akaun Simpanan ("**CASA**") dan/atau Akaun Mata Wang Asing dengan HLB dan jumlah pelaburan pokok dalam mana-mana Dana Unit Amanah ("**UT**") dan/atau Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung ("**FRNID**") dengan HLB pada satu-satu masa. Akaun Semasa Mortgage Plus akan dikecualikan sebagai sebahagian daripada AUM untuk membentuk kriteria kelayakan.

PENYATA AMARAN / NOTIS PENTING BERKAITAN ACEL

PULANGAN KE ATAS PRODUK ANDA AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET/RUJUKAN MENDASARI, DAN PEMEROLEHAN SEMULA PELABURAN POKOK MUNGKIN AKAN TERJEJAS SEKIRANYA PELANGGAN MEMBUAT PENEBUSAN AWAL. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN DEPOSIT MALAYSIA.

5. Jika terdapat lebih daripada satu (1) orang yang memohon Keahlian PV/PB, akaun bersama mesti dibuka. Pemegang akaun bersama yang namanya muncul terlebih dahulu dalam rekod HLB akan menjadi pemegang akaun utama ("**Ahli Utama**") dan pemegang akaun bersama yang lain akan menjadi pemegang akaun sekunder ("**Ahli Sekunder**"). Untuk mengelakkan keraguan, Pemegang Akaun Sekunder tidak layak untuk menyertai Promosi ini.
6. Pelanggan HLB bukan individu tidak layak untuk menyertai Promosi ini, dan pelanggan HLB bukan individu hendaklah termasuk Syarikat, Entiti Perniagaan, Pemegang Akaun Peguam Cara, Persatuan, Kelab, Sekolah, Pertubuhan, Organisasi Tidak Berasaskan Keuntungan, Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Perkongsian Liabiliti Terhad dan Pengamal Profesional yang didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia.

TATA CARA PROMOSI

7. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan HLB dikehendaki melabur dalam mana-mana produk terpilih yang disenaraikan di bawah ("**Produk Terpilih**") dengan kriteria berikut semasa Tempoh Promosi ("**Pelanggan yang Layak**"):

Jenis Produk	Kriteria Minimum	Tawaran
Unit Amanah Sekaligus ("LS")	Daftar untuk akaun Unit Amanah baru pada jumlah minimum seperti yang dikehendaki di bawah setiap lembaran fakta dana masing-masing, dihadkan pada RM200,000.	Nikmati caj jualan pada 1.38% .
Unit Amanah Pelan Simpanan Biasa ("RSP")	Daftar untuk akaun Pelan Simpanan Biasa baru dengan perletakan awal minimum RM5,000, dan beri kebenaran kepada HLB untuk mendebitkan secara automatik RM5,000 ke dalam mana-mana dana UT yang layak selama dua belas (12) bulan berturut-turut. (jumlah amaun Minimum UT Tahunan = RM65,000)	Nikmati caj jualan 0.00% untuk perletakan awal, dan caj jualan seterusnya pada 2.00% . <u>Ganjaran galakan tambahan:</u> Lima (50) pertama Pelanggan yang Layak akan diberi ganjaran tambahan RM500 e-Ang Pow ("Ganjaran RSP") .
Auto Callable Fixed Rate Equity Linked ("ACEL")	Langgan minimum sebanyak RM100,000 dalam ACEL.	Dua ratus (200) pertama Pelanggan yang Layak akan diberi ganjaran RM388 e-Ang Pow ("Ganjaran ACEL") .

PENYATA AMARAN / NOTIS PENTING BERKAITAN ACEL

PULANGAN KE ATAS PRODUK ANDA AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET/RUJUKAN MENDASARI, DAN PEMEROLEHAN SEMULA PELABURAN POKOK MUNGKIN AKAN TERJEJAS SEKIRANYA PELANGGAN MEMBUAT PENEBUSAN AWAL. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN DEPOSIT MALAYSIA.

PEMENUHAN GANJARAN

8. Ganjaran RSP dan Ganjaran ACEL akan secara kolektif dikenali sebagai "**Ganjaran**". Ganjaran diberikan berdasarkan siapa cepat dia dapat dengan pengehadan sebanyak lima puluh (50) unit Ganjaran RSP dan dua ratus (200) unit Ganjaran ACEL ("**Unit Dihadkan**"). Walau apa pun apa-apa yang dinyatakan di sini, tiada Ganjaran lagi akan disediakan kepada Pelanggan Berkemampuan sebaik sahaja Unit Dihadkan diperuntukkan sepenuhnya.
9. Pelanggan yang Layak akan dipilih sebagai pemenang Ganjaran yang disebutkan di atas berdasarkan tarikh dagangan transaksi di bawah Produk Terpilih yang direkodkan dalam sistem HLB berdasarkan siapa cepat dia dapat ("**Pemenang**"). Untuk mengelakkan keraguan, tarikh dagangan haruslah jatuh dalam Tempoh Promosi.
10. Ganjaran akan diberikan kepada Pemenang dalam bentuk wang tunai dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa / Akaun Simpanan Pemenang (CASA) yang digunakan untuk transaksi Produk Terpilih oleh HLB.
11. Pemenang haruslah merupakan Pemegang Utama Akaun CASA dan juga Pemegang Akaun Utama Akaun akaun Produk Terpilih. Untuk mengelakkan keraguan, akaun bersama dianggap sebagai kepunyaan orang yang namanya pertama muncul dalam transaksi atau borang pembukaan akaun Produk Terpilih.
12. Semua Ganjaran tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3).
13. Pemenang akan menerima Ganjaran dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tempoh Promosi ("**Tempoh Pemenuhan**"). Pemenang akan dimaklumkan oleh HLB melalui SMS apabila HLB mengkreditkan Ganjaran ke akaun CASA Pemenang ("**Pemberitahuan**"). Perkhidmatan SMS untuk Promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("**M3Tech**"), vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh HLB.
14. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan yang Layak yang tidak menerima sebarang Pemberitahuan dalam Tempoh Pemenuhan akan dianggap tidak layak untuk Ganjaran.
15. Pada dasarnya adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan yang Layak untuk memberikan maklumat perhubungan terkini dan tepat mereka (iaitu nombor telefon bimbit) kepada HLB dan HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab.

TRANSAKSI PRODUK PELABURAN

16. Dana yang layak di UT atau ACEL di bawah Produk Terpilih akan disenaraikan dan boleh didapati untuk dilihat di mana-mana Pusat HLB Perbankan Prioriti atau Cawangan HLB.
17. Tarikh dagangan Produk Terpilih akan dianggap sebagai tarikh perletakan pelaburan.

PENYATA AMARAN / NOTIS PENTING BERKAITAN ACEL

PULANGAN KE ATAS PRODUK ANDA AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET/RUJUKAN MENDASARI, DAN PEMEROLEHAN SEMULA PELABURAN POKOK MUNGKIN AKAN TERJEJAS SEKIRANYA PELANGGAN MEMBUAT PENEBUSAN AWAL. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN DEPOSIT MALAYSIA.

18. Semua terma dan syarat, peraturan dan undang-undang sedia ada yang mengawal transaksi Produk Terpilih haruslah diguna pakai.
19. Terma dan syarat yang mentadbir ACEL terpilih di bawah Produk Terpilih dinyatakan dalam Lembaran Terma, Lembaran Sorotan Produk yang berkaitan, Lembaran Pendedahan Risiko tertakluk kepada Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk yang mungkin dipinda dari masa ke semasa dan garis panduan, peraturan dan undang-undang lain yang berkaitan yang mungkin dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dari masa ke semasa.

PENYATA AMARAN / NOTIS PENTING BERKAITAN ACEL

PULANGAN KE ATAS PRODUK ANDA AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET/RUJUKAN MENDASARI, DAN PEMEROLEHAN SEMULA PELABURAN POKOK MUNGKIN AKAN TERJEJAS SEKIRANYA PELANGGAN MEMBUAT PENEBUSAN AWAL. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN DEPOSIT MALAYSIA.

Notis Penting: Pelanggan HLB tidak dilindungi oleh dana pampasan di bawah Bahagian IV Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Dana pampasan ini tidak melindungi Pelanggan HLB jika Pelanggan HLB mengalami kerugian kewangan akibat kemungkiran, atau penyalahgunaan wang dan harta lain secara penipuan, oleh seorang pengarah, pegawai, pekerja atau wakil HLB.

20. **Penafian ACEL:** Kandungan dokumen ini adalah untuk tujuan perbincangan sahaja dan tertakluk kepada pernyataan akhir terma produk yang dinyatakan dalam perjanjian muktamad dan/atau pengesahan, dan tidak boleh ditafsirkan sebagai tawaran, cadangan atau permintaan untuk memasuki atau memutuskan apa-apa pelaburan dan tidak boleh dianggap sebagai memberi nasihat pelaburan atau lindung nilai. HLB tidak bertindak sebagai penasihat pembaca atau dalam kapasiti fidusiari berkenaan dengan produk yang dicadangkan ini atau mana-mana produk lain melainkan jika dipersetujui secara khusus secara bertulis dan tidak menerima apa-apa liabiliti berkenaan dengan penggunaan dokumen ini atau kandungannya. Pelanggan dan/atau melalui penasihat profesional mereka harus menilai pelbagai risiko berhubung dengan produk dan mempertimbangkan isu-isu yang berkaitan dengannya yang termasuk tetapi tidak terhad kepada isu-isu perundangan, cukai, kawal selia, kewangan dan perakaunan sebelum membeli produk. Keputusan pembelian produk adalah berdasarkan semata-mata berdasarkan pertimbangan Pelanggan dan/atau nasihat penasihat profesional mereka. Lembaran Sorotan Produk ("**PHS**") boleh didapati dan pelabur mempunyai hak untuk meminta PHS; dan PHS dan mana-mana dokumen pendedahan produk lain perlu dibaca dan difahami sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Anda dinasihatkan untuk membaca Lembaran Terma dan Penyata Pendedahan Risiko untuk terma, syarat dan risiko pelaburan dalam produk ini.
21. Pelaburan dalam Produk Terpilih menggunakan dana yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("**KWSP**") tidak dibenarkan menyertai Promosi ini.
22. Sekiranya Pelanggan yang Layak menggunakan hak bertenang UT mereka atau sebarang transaksi Pelaburan Terpilih ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas sebab apa sekali pun, Pelanggan yang Layak TIDAK layak untuk Promosi seperti yang dinyatakan di bawah Klausula 7.

PENYATA AMARAN / NOTIS PENTING BERKAITAN ACEL

PULANGAN KE ATAS PRODUK ANDA AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET/RUJUKAN MENDASARI, DAN PEMEROLEHAN SEMULA PELABURAN POKOK MUNGKIN AKAN TERJEJAS SEKIRANYA PELANGGAN MEMBUAT PENEBUSAN AWAL. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN DEPOSIT MALAYSIA.

23. Pelanggan yang Layak yang menyertai RSP seperti yang digambarkan di bawah Klausula 7 di atas komited untuk melaksanakan tiga belas (13) transaksi pelaburan secara keseluruhan, pada jumlah Minimum Tahunan UT Jumlah Ringgit Malaysia Enam Puluh Lima Ribu (RM65,000) secara keseluruhan dan memilih 'Bulanan' sebagai kekerapan urus niaga dalam pelan tersebut.
24. Sekiranya Pelanggan yang Layak gagal melaksanakan mana-mana transaksi dan/atau amaun seperti yang dinyatakan di bawah Klausula 23, HLB berhak untuk mengenakan caj jualan kepada Pelanggan yang Layak sehingga 5% daripada transaksi awal mereka ("Caj Jualan"). Pengiraan adalah seperti berikut:

Caj Jualan : Amaun Prinsipal Transaksi Permulaan di bawah Promosi x %

25. Caj Jualan akan ditolak daripada CASA Pelanggan yang Layak yang dinamakan untuk melaksanakan transaksi RSP.
26. Terma dan syarat yang mentadbir transaksi UT dan produk dana UT terpilih di bawah Pelaburan Terpilih dinyatakan dalam Prospektus dan Prospektus Tambahan terbaru yang berkenaan (jika ada) yang telah berdaftar dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang akan ditadbir oleh dan dikawal selia selaras dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (seperti pindaan) dan garis panduan dan arahan yang berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
27. **Penafian Unit Amanah:** Dokumen ini bukan dimaksudkan sebagai jemputan atau tawaran untuk melanggan unit amanah, juga bukan rayuan oleh HLB untuk melanggan unit amanah oleh sesiapa. Pelabur dinasihatkan supaya membaca dan memahami isi kandungan prospektus yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang tidak mengambil tanggungjawab atas isi kandungannya, sebelum melabur. Senaskhah prospektus itu boleh didapati daripada mana-mana cawangan HLB atau pejabat Pengurus Dana. Sebarang terbitan unit yang berkaitan dengan prospektus ini hanya akan disempurnakan selepas menerima borang permohonan berkenaan yang disebutkan itu dan mengiringi senaskhah prospektus. Pelabur perlu maklum bahawa terdapat fi dan caj yang terlibat dalam pembelian unit amanah. Pelabur dinasihatkan supaya menimbang fi dan caj yang terlibat sebelum melabur dan berunding dengan penasihat kewangan berlesen atau penasihat profesional yang lain, jika ragu-ragu akan apa-apa ciri atau jenis dana ini. Sila maklum bahawa harga unit dan dividen yang dibayar, jika ada, boleh naik atau turun. Prestasi dana pada masa lalu bukanlah menjadi petunjuk akan prestasi masa akan datang. Pulangan atas pelaburan unit amanah tidaklah dijamin dan unit amanah bukanlah deposit bank atau obligasi HLB, juga tidak dijamin atau diinsuranskan oleh HLB dan terdedah kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan hilang amaun pokok yang dilaburkan. Skim unit amanah dan unit-unit dalam skim-skim tersebut dan apa-apa wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans untuk tujuan membeli unit dalam skim unit amanah tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("**PIDM**").

TERMA DAN SYARAT AM

28. Promosi ini TIDAK sah dengan mana-mana promosi UT atau ACEL lain yang berlangsung yang ditawarkan oleh HLB dari masa ke semasa.

PENYATA AMARAN / NOTIS PENTING BERKAITAN ACEL

PULANGAN KE ATAS PRODUK ANDA AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET/RUJUKAN MENDASARI, DAN PEMEROLEHAN SEMULA PELABURAN POKOK MUNGKIN AKAN TERJEJAS SEKIRANYA PELANGGAN MEMBUAT PENEBUSAN AWAL. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN DEPOSIT MALAYSIA.

29. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan HLB bersetuju:
- (a) untuk membaca, memahami, dan bersetuju mematuhi T&S yang terkandung di sini;
 - (b) bahawa semua rekod transaksi yang diambil oleh sistem HLB dalam Tempoh Promosi dan senarai Pelanggan HLB adalah tepat dan muktamad;
 - (c) bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara yang hubung dengan Promosi (termasuk tetapi tidak terhad kepada peruntukan Ganjaran) adalah muktamad, konklusif dan terikat ke atas semua Pelanggan HLB;
 - (d) bahawa T&S yang terkandung di sini, Terma dan Syarat Perbankan Prioriti, Perjanjian Perkhidmatan Pelaburan (jika berkenaan) dan Terma dan Syarat Am Akaun haruslah dibaca sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S khusus yang terkandung di sini akan mengatasi setakat percanggahan tersebut;
 - (e) untuk bersetuju dan memberi kuasa kepada HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka, iaitu, nombor telefon kepada M3Tech, untuk tujuan Promosi ini; dan
 - (f) untuk mengakses Laman Web HLB secara kerap untuk melihat T&S dan memastikan sentiasa dikemas kini mengenai sebarang perubahan atau pindaan terhadap T&S.
30. HLB berhak untuk:
- (a) menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dengan notis terlebih dahulu menurut budi bicara HLB dengan cara menyiarkan di Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB;
 - (b) menggantikan Ganjaran dengan produk lain yang serupa pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu; dan
 - (c) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan HLB untuk menyertai Promosi ini dan/atau mendapat Ganjaran.
31. Pelanggan HLB yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan, perbuatan yang menyalahi undang-undang berhubung dengan mana-mana perkhidmatan dan/atau kemudahan yang diberikan oleh HLB/HLISB atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi tidak layak untuk menyertai Promosi ini.
32. T&S yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan HLB bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia.
33. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina termasuk semua jantina dan perkataan yang merujuk tunggal yang lain termasuk jamak dan sebaliknya.

PENYATA AMARAN / NOTIS PENTING BERKAITAN ACEL

PULANGAN KE ATAS PRODUK ANDA AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET/RUJUKAN MENDASARI, DAN PEMEROLEHAN SEMULA PELABURAN POKOK MUNGKIN AKAN TERJEJAS SEKIRANYA PELANGGAN MEMBUAT PENEBUSAN AWAL. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN DEPOSIT MALAYSIA.

HLB adalah ahli PIDM.

Akaun deposit dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Pelanggan diingatkan bahawa akaun pelaburan tidak dilindungi oleh PIDM. Apa-apa wang yang dikeluarkan daripada deposit yang dilindungi PIDM untuk tujuan membeli UT, ACEL, bond, FRNID, atau apa-apa produk struktur pelaburan tidak lagi dilindungi oleh PIDM.

PENYATA AMARAN / NOTIS PENTING BERKAITAN ACEL

PULANGAN KE ATAS PRODUK ANDA AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET/RUJUKAN MENDASARI, DAN PEMEROLEHAN SEMULA PELABURAN POKOK MUNGKIN AKAN TERJEJAS SEKIRANYA PELANGGAN MEMBUAT PENEBUSAN AWAL. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN DEPOSIT MALAYSIA.